

15 OCT 2000

Mahathir-Bukit

ELAK POTONG BUKIT DAN TEBANG POKOK BILA BINA BANGUNAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Semua pihak harus mengelakkan daripada memotong bukit dan menebang pokok apabila membangunkan sesuatu kawasan seperti untuk perumahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata bukit dipotong dan diratakan bagi memudahkan mendirikan bangunan tetapi bangunan boleh didirikan di bukit tanpa memotong pokok jika asasnya dibuat dengan cukup baik dan mengambil kira kecerunan bukit itu.

Perdana Menteri berkata dengan berbuat demikian ia dapat membantu mengekalkan landskaping semulajad tetapi apa yang berlaku ialah kerap kali bukit dipotong dan membuat landskaping sekali lagi.

"Ini perlukan dua kerja, satu untuk menebang dan ratakan tanah dan kemudian pula kita buat bukit-bukit kecil dengan tanah dan kita tanam pokok kerana kita juga suka lihat bukit-bukit".

Ini adalah satu pembaziran kerana adalah lebih baik kekalkan sahaja bukit yang ada dan kita cuba bangunkan bangunan kita supaya bukit itu masih kekal dan pokok juga masih kekal," katanya berucap melancarkan penanaman pokok alaf baru di Taman Bukit Jalil di sini.

Dr Mahathir berkata apabila sesuatu bangunan itu didirikan, tidak semestinya semua pokok-pokok itu ditebang, kerana pokok yang sedia ada perlu dikekalkan terutama yang tua yang kadang-kadang melebihi 100 tahun dan mengambil masa panjang sebelum membesar.

Namun Perdana Menteri berkata beliau bersyukur kerana di negara ini ramai juga pihak yang menerima nasihat kerajaan berhubung keperluan mengekalkan alam semulajadi termasuk menjaga pokok-pokok.

Umpamanya, beliau berkata di Langkawi banyak pengusaha hotel yang membiarkan pokok tumbuh melebihi bilik-bilik hotel dan begitu juga kediaman yang terdapat pokok menembusi lantai rumah.

"Ini bawa kebaikan kerana keadaan seperti ini menarik pelancong yang datang berkali-kali ke hotel dan amat suka pokok-pokok yang tiada di negara mereka.

Jadi walaupun kita kekalkan bukit dan pokok kita tak rugi tapi sebaliknya dapat keuntungan," katanya.

Dr Mahathir berkata sebab itulah kerajaan menggalakkan semua pihak menanam pokok dan mengadakan landskap yang cantik bagi membolehkan Malaysia menjadi satu negara taman yang menarik.

Dr Mahathir berkata rakyat juga perlu menanam pokok di kawasan rumah mereka bukan sahaja bagi pengindahan tetapi juga bagi menambah pendapatan, umpamanya dengan menanam pokok bunga atau herba dan juga landskap kawasan sekeliling termasuk antara pagar dan jalan raya.

"Kadang-kadang kawasan ini dibiarkan sahaja. Walaupun di dalam kawasan rumah keadaan amat cantik tapi luar rumah antara rumah dan jalan keadaan amat buruk dan tak disenggara dengan baik," katanya.

Beliau berkata dengan landskaping dan menanam pokok, bukan sahaja akan menimbulkan rasa nyaman tetapi membantu mewujudkan hidup yang sihat kerana pokok boleh menukar karbon dioksida kepada oksigen yang amat diperlukan oleh manusia dan membantu merendahkan suhu.

"Ini bukan sahaja bermakna orang kaya sahaja boleh ada taman kerana yang kurang berada juga dengan usaha sedikit dapat tanam pokok di sekeliling mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata ada juga pihak yang berpendapat dengan menanam pokok akan membawa hujan yang banyak tetapi katanya jika kemarau keadaan akan menjadi lebih susah lagi.

Dr Mahathir berkata rakyat juga perlu menanam pokok di kawasan rumah mereka bukan sahaja bagi pengindahan tetapi juga bagi menambah pendapatan, umpamanya dengan menanam pokok bunga atau herba dan juga landskap kawasan

sekeliling termasuk antara pagar dan jalan raya.

"Kadang-kadang kawasan ini dibiarkan sahaja. Walaupun di dalam kawasan rumah keadaan amat cantik tapi luar rumah antara rumah dan jalan keadaan amat buruk dan tak disenggara dengan baik," katanya.

Beliau berkata dengan landskaping dan menanam pokok, bukan sahaja akan menimbulkan rasa nyaman tetapi membantu mewujudkan hidup yang sihat kerana pokok boleh menukar karbon dioksida kepada oksigen yang amat diperlukan oleh manusia dan membantu merendahkan suhu.

"Ini bukan sahaja bermakna orang kaya sahaja boleh ada taman kerana yang kurang berada juga dengan usaha sedikit dapat tanam pokok di sekeliling mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata ada juga pihak yang berpendapat dengan menanam pokok akan membawa hujan yang banyak tetapi katanya jika kemarau keadaan akan menjadi lebih susah lagi.

"Sebab itu kita harus menghargai hujan yang begitu banyak di negara kita. Bagi pelawat dari negara yang tiada banyak pokok, mereka kagum betapa hijaunya negara kita.

"Kita sendiri tak hargai kehijauan negara kita sehinggalah kita berpeluang melawat kawasan padang pasir," katanya.

Perdana Menteri berkata peningkatan penduduk dunia yang kini mencecah 6 bilion orang menyebabkan keperluan tempat tinggal yang mendesak dan kerap kali kawasan hutan dibersihkan dan pokok ditebang.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini sudah mencapai kemajuan yang agak pesat tetapi kemajuan ini tidak bermakna kita mengabaikan alam sekitar.

"Kemajuan tak bermakna jika dapat wang lebih banyak, alam sekitar kita (dibiarkan) dalam keadaan buruk dan tinggalkan sampah sarap," katanya.

Dr Mahathir juga meminta semua pihak seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil inisiatif membangunkan kawasan taman ketika harga tanah rendah.

Mengenai penanaman 100,000 pokok serentak dalam satu minit, Dr Mahathir berkata ini membuktikan kemampuan rakyat Malaysia membuat sesuatu apabila mereka inginkan dan selaras dengan slogan "Malaysia Boleh".

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata pemaaju sebenarnya boleh mendapat keuntungan yang lebih jika memajukan kawasannya tanpa memotong bukit kerana bila bukit dikekalkan, orang suka membeli.

"Tapi dia kena pandai landskaping, buat jalan, pandai atur rumah dan sediakan asas yang baik. Jangan macam Highland Towers, dia tak buat betul," katanya merujuk kepada kejadian satu blok bangunan tinggi Highland Towers yang runtuh pada 11 Dis 1993 dan mengorbankan 48 orang.

Perdana Menteri berkata keadaan tanah di negara ini lembut dan banyak air, tidak sama dengan banyak negara lain yang mempunyai tanah granit yang memudahkan pembinaan rumah.

-- BERNAMA
RV AZZ RON